

LAWATAN SAMBIL BELAJAR PERSATUAN MAHASISWA SST (SCIENTECH) KE PADANG INDONESIA

Oleh SAAFIE SALLEH

Pada 16 Mei 2009 hingga 21 Mei 2009, seramai sembilan orang pelajar Sekolah Sains dan Teknologi yang merupakan Ahli Jawatankuasa Persatuan Mahasiswa SST (SCIENTECH) telah menyertai program lawatan sambil belajar ke Padang, Indonesia. Pensyarah yang terlibat sebagai pegawai pengiring adalah Encik Saafie bin Salleh. Program tersebut merangkumi lawatan ke dua universiti dan beberapa tempat bersejarah di sekitar Padang dan Bukit Tinggi. Dua universiti telah dilawati iaitu Universitas Andalas dan Universitas Negeri Padang. Antara tempat bersejarah yang dilawati adalah kubu pertahanan Jepun yang dikenali Luang Jepang, Muzium Profesor Dr Hamka dan Rumah Adat Minangkabau. Tempat lain adalah kilang tenunan tangan dan industri makanan tradisional. Program tersebut berjaya kerana telah mendedahkan pelajar terlibat kepada universiti luar negara khususnya di Indonesia. Program lawatan itu juga berjaya menjalankan kerjasama fakultas terlibat dengan SST.



Gambar kenangan di Universitas Negeri Padang




Gambar kenangan di Universitas Negeri Padang



Pelajar SST (baju putih/merah) sedang berbincang dengan pemimpin pelajar Universitas Andalas



Gambar kenangan di Muzium Profesor Dr. Hamka



pertahanan peninggalan Jepun



Sesi fotografi di depan Rumah Adat Minangkabau